

Thailand nafi mahu hantar pulang tahanan Uighur ke China

Berita Harian 30/7/2022 (page 41)

Bangkok: Thailand menafikan perancangan untuk menghantar pulang etnik Uighur ke China, selepas aktivis menyuarakan kebimbangan berhubung tindakan keras terhadap pencari suaka.

Puluhan etnik Uighur ditahan di seluruh negara pada Rabu dan dihantar ke pusat tahanan di Bangkok, sekali gus mencetuskan bantahan daripada kumpulan hak asasi manusia yang bimbang kerajaan merancang menghantar tahanan itu pulang ke China.

“Tindakan ini menimbulkan kebimbangan dalam kalangan masyarakat sivil yang memantau situasi Uighur bahawa kerajaan Thai akan memaksa orang

Uighur pulang ke negara asal atas permintaan kerajaan China,” kata Majlis Islam Thailand dan tujuh pertubuhan bukan kerajaan tempatan dalam kenyataan bersama.

Memetik laporan *South China Morning Post*, Pengarah Yayasan Pemerikasaan Rakyat, sebuah badan bukan kerajaan (NGO) Thai yang membantu Uighur di negara itu, Chalida Tajaroensuk, berkata keputusan untuk memindahkan pelarian ke Bangkok dibuat selepas tiga lelaki Uighur melarikan diri dari pusat tahanan imigresen di tengah Thailand awal bulan ini.

“Sumber memberitahu kami bahawa Uighur dibawa dari pusat tahanan berbeza di seluruh nega-

ra dan kini semuanya ditahan bersama di pusat tahanan imigresen Suan Plu.

“Kami bimbang mereka boleh dihantar balik di bawah tekanan China. Setakat yang kami tahu, mereka masih di sini,” kata Chalida yang dipetik *BenarNews*.

Benar lawat tahanan

Chalida juga menggesa kerajaan untuk membenarkan pegawai hak asasi manusia melawat tahanan dan memantau kesihatan mereka.

Ketua penasihat keselamatan kepada Perdana Menteri Thailand Prayuth Chan-ocha, Panitan Wattanayagorn berkata, orang Uighur dipindahkan ke Bangkok

atas faktor keselamatan.

“Untuk gambaran keseluruhan yang luas dalam menyelesaikan masalah, kita boleh mengatakan bahawa mereka melarikan diri daripada kematian untuk tinggal bersama kita. Kami perlu mengendalikannya mengikut piawaian dan kewajipan antarabangsa.

“Kami tidak akan melanggar hak asasi mereka. Iaitu tiada pemisahan keluarga. Masalah yang lebih sukar daripada itu, kami akan cuba menyelesaikannya sedikit demi sedikit,” katanya juga kepada *BenarNews*.

Majlis Islam dan NGO berkata, Thailand harus mengelak kontro-

versi berulang pada 2015 apabila ia menghantar pulang lebih 100 Uighur ke China.

Negara itu tidak memberikan suaka kepada pelarian tetapi menegaskan etnik Uighur boleh kekal dalam tahanan Thai sehingga kerakyatan diwujudkan.

Pakar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan aktivis hak asasi manusia berkata, sekurangnya satu juta Uighur dan Muslim lain ditahan di kem tahanan di Xinjiang, yang disifatkan China sebagai pusat latihan yang digunakan untuk membantu menghapuskan ekstremisme dan mengajar kemahiran baharu.

AGENSI